

07 NOV 1996

LEAD Anwar-Timor

KERAJAAN TEGAS TIDAK BENARKAN PERSIDANGAN TIMOR TIMUR

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata kerajaan tetap bertegas tidak membenarkan Persidangan Asia Pasifik mengenai Timor Timur II (APCET II) diadakan di negara ini.

Katanya, Kementerian Dalam Negeri dan polis sedang memerhatikan tindak-tanduk penganjur persidangan itu dan akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peraturan dan undang-undang negara jika mereka terus berdegil.

"Kita telah buat larangan dan kita harap mereka patuhi keputusan kerajaan ini," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen, di sini.

Dua hari lepas jurucakap penganjur, Dr Sanusi Othman berkata, persidangan yang dijadualkan dari 9 hingga 11 Nov ini tetap akan diadakan.

Ia dijangka dihadiri 200 wakil dari 75 pertubuhan bukan kerajaan dari 24 negara.

Anwar berkata, keputusan larangan itu dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, bagi menjaga hubungan baik Malaysia dan Indonesia serta selaras dengan dasar Kuala Lumpur untuk tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri sesebuah negara.

"Oleh yang demikian, Jemaah Menteri (pada mesyuaratnya semalam) juga telah mengambil keputusan untuk bertegas menyokong keputusan yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) selepas Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob) memberi pandangan," katanya.

Katanya, KDN sudah melarang penceramah-penceramah asing yang diundang daripada memasuki negara ini, tidak mengeluarkan visa kepada orang tertentu dan mengambil langkah-langkah munasabah yang selaras dengan peraturan dan undang-undang negara ini bagi menghalang penganjuran persidangan itu.

"Kita juga telah memaklumkan kepada Indonesia (bahawa Malaysia melarang penganjuran persidangan itu) bagi memastikan tidak berlaku perkara-perkara yang boleh menjejaskan hubungan kita," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, beliau tidak tahu mengenai berita wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Filipina, Renato Constantino telah diusir keluar dari Malaysia pagi tadi.

"Saya tidak tahu mengenai tindakan KDN itu. Saya belum menerima apa-apa laporan mengenainya," katanya.

Constantino, yang pernah terlibat dalam penganjuran persidangan serupa di Manila pada 1994 dilaporkan diusir keluar pukul 7 pagi tadi selepas tidak dibenarkan masuk oleh Jabatan Imigresen di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini.

Anwar berkata, Malaysia, yang terkenal lantang menyuarakan soal hak asasi manusia di pentas-pentas antarabangsa, tidak bersikap hipokrit apabila melarang penganjuran persidangan itu.

"Ini masalah dalaman Indonesia kerana ia (Timor Timur) adalah sebahagian daripada Indonesia. Oleh itu, dalam menangani perkara ini kita perlu menghormati kedaulatan Indonesia.

"Jikapun ia perlu dibincangkan, kita berpegang kepada cara Asean yang memberi keutamaan kepada perbincangan oleh para pemimpin," katanya.

Mengenai kenyataan pemimpin Timor Timur dalam buangan, Jose Ramos-Horta, tentang keinginannya untuk menemui beliau dan Dr Mahathir bagi mencari penyelesaian kepada isu wilayah itu, Anwar berkata: "Saya akan beritahu Perdana Menteri". -- BERNAMA

AH NMO

